

07 OCT 1998

Mahathir-Timbangan

TIADA PERLANTIKAN TPM, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak akan melantik seorang timbalan perdana menteri yang baru sehingga selepas pemilihan Umno tahun depan.

" Kami telah membuat keputusan untuk tidak mengisi jawatan timbalan perdana menteri sehingga pemilihan Umno akan datang," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) parti itu yang berlangsung selama tiga jam di sini malam ini.

Beliau berkata mesyuarat itu hanya membincangkan mengenai perlantikan timbalan perdana menteri secara umum berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 2 Sept lepas.

Dr Mahathir yang juga presiden Umno berkata perlantikan jawatan itu adalah hak beliau.

" Ia bukan bidang kuasa MT tetapi hak saya. Itu tanggungjawab saya dan saya tak perlu rujuk kepada sesiapa," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau akan melantik mana-mana menteri untuk melaksanakan tugas kementerianannya jika beliau terpaksa ke luar negara.

Dr Mahathir juga menyandang jawatan Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan Pertama.

"Jika saya ke luar negara, saya akan melantik mana-mana menteri yang akan melakukan sesetengah tugas kementerian saya sendiri tetapi ini tidak membawa kepada pelantikan seorang timbalan perdana menteri," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada beliau hampir melantik seorang timbalan perdana menteri, Perdana Menteri berkata: "Saya belum lagi membuat keputusan saya."

Beliau juga berkata tugas Timbalan Presiden Umno akan dilaksanakan oleh naib-naib presiden parti iaitu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Mengenai jawatan Timbalan Presiden, kita (MT) tak lantik, hanya tugas-tugas Timbalan Presiden akan dipangku bersama oleh Naib Presiden," kata Dr Mahathir.

Jawatan Timbalan Presiden Umno kini kosong berikutan pemecatan Anwar daripada Umno pada 3 Sept lepas, sehari selepas beliau dilucutkan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Anwar yang mengaku tidak bersalah terhadap 10 tuduhan rasuah dan liwat akan mula dibicarakan di Mahkamah Tinggi di sini pada 2 Nov ini.

Dr Mahathir berkata mesyuarat MT malam ini juga telah menerima cadangan Jawatankuasa Pindaan Perlembagaan Umno yang dipengerusikan oleh Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik untuk meminda beberapa perkara dalam perlembagaan parti.

Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan apakah pindaan itu.

Pindaan itu dipercayai melibatkan penghapusan 10 undi bonus bagi setiap pencalonan yang diterima untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden.

Pindaan lain termasuk menurunkan had umur keanggotaan parti daripada 18 tahun kepada 16 tahun.

-- BERNAMA

ES NAK